

**Merangkumi**

- Semua kawasan kecuali yang diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).
- Pelaksanaan di Wilayah Persekutuan dan rujukan pelaksanaan di negeri lain.

**Aktiviti Yang Dibenarkan**

Pengurusan Jenazah yang bukan disahkan positif COVID-19.

**Arahan Tetap**

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada peraturan kesihatan, peraturan pihak berkuasa tempatan dan arahan atau peraturan pihak berkuasa agama negeri.

**Waktu Operasi**

Waktu bersesuaian dengan keperluan pengurusan jenazah dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa 4

**AKTIVITI DAN PROTOKOL****KAWALAN KAPASITI KEHADIRAN**

<b>AKTIVITI</b>	<b>JUMLAH INDIVIDU DIBENARKAN</b>
<b>Urus Jenazah (Memandikan dan Mengkafankan Jenazah)</b>	<b>7 orang (waris dan pengurus jenazah).</b>
<b>Solat Jenazah</b>	<b>12 orang dengan penjarakan. Waris yang lain boleh menunaikan Solat Jenazah Ghaib.</b>
<b>Solat Jenazah di Masjid</b>	<b>Berdasarkan kapasiti ruang solat dengan penjarakan fizikal dan kehadiran Jemaah yang telah lengkap mendapatkan vaksin COVID-19.</b>
<b>Ziarah Jenazah</b>	<b>12 orang pada satu-satu masa.</b>
<b>Di Tanah Perkuburan</b>	<b>20 orang termasuk pengurusan pengkebumian dan waris.</b>



### Merangkumi

- Semua kawasan kecuali yang diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).
- Pelaksanaan di Wilayah Persekutuan dan rujukan pelaksanaan di negeri lain.

### Aktiviti Yang Dibenarkan

Pengurusan Jenazah yang bukan disahkan positif COVID-19.

### Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada peraturan kesihatan, peraturan pihak berkuasa tempatan dan arahan atau peraturan pihak berkuasa agama negeri.

### Waktu Operasi

Waktu bersesuaian dengan keperluan pengurusan jenazah dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa 4

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
<b>1) Kawalan penularan dan jangkitan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan kaunter di pintu masuk yang dihadkan bilangannya bagi memeriksa suhu badan, sanitasi tangan serta rekod kehadiran tetamu;</li> <li>• Tetamu yang hadir diwajibkan memakai pelitup muka dengan penjarakan fizikal;</li> <li>• Bersalaman, berpelukan dan bersentuhan adalah dilarang;</li> <li>• Tetamu dilarang memeluk, menyentuh atau mencium jenazah.</li> </ul>
<b>2) Kawalan dan pengesanan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Individu yang bergejala, menghidap penyakit kronik dan sedang dalam kuarantin tidak dibenarkan hadir;</li> <li>• Tiada perkumpulan dibenarkan selepas selesai aktiviti sama ada di dalam atau di luar kawasan berkenaan.</li> </ul>
<b>3) Pengurusan jenazah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurusan jenazah (mandi, kafan dan solat jenazah) boleh dilaksanakan di lokasi jenazah tersebut meninggal dunia, sama ada di hospital, di rumah atau di masjid/surau.</li> </ul>